

Tahap Keberkesanan Usaha-Usaha Yang Dilakukan Oleh Anggota-Anggota Bengkel Polis Marin Cawangan Selatan Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaiki Enjin Kapal

Muhammad Rashid Bin Rajuddin & Mohd Zulhilmi Bin Ab Kadir
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini adalah berkenaan tahap keberkesanan usaha-usaha yang dilakukan oleh anggota-anggota bengkel polis marin cawangan selatan (Johor) dalam meningkatkan kemahiran membaiki enjin kapal. Antara usaha-usaha yang difokuskan oleh penyelidik ialah keberkesanan usaha pembacaan yang dilakukan, keberkesanan usaha kaedah cuba jaya, keberkesanan usaha kursus atau seminar yang dihadiri dan keberkesanan bantuan rakan dalam meningkatkan kemahiran mereka. Kajian ini adalah berbentuk diskriptif yang menerangkan fenomena atau keadaan semasa dengan kaedah soal selidik. Responden terdiri daripada anggota-anggota bengkel Polis Marin Cawangan Selatan (Johor). Data-data yang telah dikumpul dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows Versi 12.0. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap keberkesanan usaha-usaha yang dilakukan oleh anggota-anggota bengkel polis marin cawangan selatan dalam meningkatkan kemahiran membaiki enjin kapal berada pada tahap yang tinggi kecuali kaedah cuba jaya yang hanya berada pada tahap yang sederhana. Beberapa cadangan telah dibuat bagi menambahkan lagi keberkesanan usaha-usaha dalam meningkatkan kemahiran membaiki enjin kapal mereka. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu dalam kajian-kajian lanjutan dan juga membantu dalam mengetahui keberkesanan usaha-usaha lain yang dilakukan dalam meningkatkan profesionalisme di alam pekerjaan sama ada dalam sektor awam mahupun swasta.

Katakunci: kemahiran membaiki enjin kapal, polis marin

Pengenalan

Polis Marin cawangan selatan yang beribu pejabat di Tampoi Johor ini terbahagi kepada dua iaitu Bahagian Gerakan / Operasi dan satu lagi adalah Bahagian Teknikal. Kedua-dua bahagian ini memainkan peranan yang penting.

Bahagian Gerakan / Operasi bertanggungjawab kepada Komander Pasukan Polis Marin terhadap perkara berkaitan operasi. Antaranya tugas-tugas dalam kapal / bot peronda Polis Marin dalam mengawal keselamatan perairan negara. Manakala bahagian satu lagi adalah Bahagian Teknikal bertanggungjawab kepada Komander Pasukan Polis Marin terhadap perkara-perkara berkaitan hal-hal teknikal dari aspek dasar pembaikan bot peronda dan kelengkapan.

Secara umumnya Bahagian Teknikal Polis Marin ini diletakkan di bengkel Polis Marin. Bengkel Polis Marin ini mempunyai beberapa bahagian dan mempunyai tanggungjawabnya yang tersendiri. Bahagian-bahagian yang terdapat di dalam bengkel Polis Marin adalah Bahagian Elektrikal, Bahagian Kimpalan dan Mesin Larik, Bahagian Pam Minyak, Bahagian Bot Peronda, Bahagian Kapal Sederhana dan Bahagian Kapal Berkuasa Tinggi.

Penyataan masalah

Dalam menuju matlamat wawasan 2020, kerajaan telah menggalakkan setiap masyarakat di dalam negara ini meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang pekerjaan. Hal ini adalah membolehkan negara kita bersaing dan setanding dengan negara-negara maju yang lain. Disamping itu,

ianya dapat meningkatkan profesionalisme dalam bidang pekerjaan sama ada dalam sektor swasta mahupun awam. Menurut Utusan Malaysia (29.8.2007) kerajaan menyarankan kepada semua sektor pekerjaan sama ada sektor awam atau industry agar bersedia dengan segala perubahan kemajuan dan teknologi agar mereka tidak ketinggalan. Seruan itu telah disambut baik oleh Pihak Polis Marin. Di dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota-anggota bengkel Polis Marin Cawangan Selatan, pelbagai kaedah dan usaha telah dilakukan. Antaranya mengadakan kursus-kursus pembaikan kapal dan pengurusan kejuruteraan. Selain itu Pihak Polis Marin juga menggalakkan setiap anggotanya agar bekerja sama dalam menyelesaikan masalah membaiki kapal. Tetapi setiap usaha itu tidak semestinya akan berhasil. Sehubungan dengan itu satu kajian haruslah dijalankan bagi mengetahui sama ada kaedah atau usaha yang dijalankan itu berkesan ataupun tidak.

Oleh penyataan masalah yang menjadi tunjang kepada kajian ini ialah Apakah tahap keberkesanan usaha-usaha yang dilakukan oleh anggota-anggota bengkel polis marin cawangan selatan dalam meningkatkan kemahiran membaiki enjin kapal ? Aspek-aspek yang dikaji adalah dari segi pembacaan, kaedah cuba jaya, kursus atau seminar dan bantuan rakan.

Objektif kajian

Objektif kajian ini ialah untuk :

1. Mengetahui tahap keberkesanan pembacaan yang dilakukan oleh anggota bengkel polis marin cawangan selatan dalam meningkatkan kemahiran membaiki kapal mereka.
2. Mengetahui tahap keberkesanan kaedah cuba jaya yang dilakukan oleh anggota-anggota bengkel polis marin cawangan selatan dalam meningkatkan kemahiran membaiki kapal mereka.
3. Mengetahui tahap keberkesanan kursus atau seminar yang dihadiri oleh anggota-anggota bengkel polis marin cawangan selatan dalam meningkatkan kemahiran membaiki kapal mereka.
4. Mengetahui tahap keberkesanan bantuan rakan oleh anggota-anggota bengkel polis marin cawangan selatan dalam meningkatkan kemahiran membaiki kapal mereka.

Kepentingan kajian

Kepentingan kajian ini ialah untuk :

1. Mendedahkan kepada para pelajar betapa pentingnya prinsip pembelajaran seumur hidup yang diterapkan oleh UTM diaplikasikan dalam alam pekerjaan.
2. Membantu anggota bengkel polis marin yang lain mengetahui cara yang terbaik dalam meningkatkan kemahiran membaiki kapal mereka.
3. Menunjukkan betapa pentingnya saranan kerajaan supaya kakitangan awam atau swasta untuk meningkatkan profesionalisme dan kemahiran mereka selari dengan perkembangan semasa.

Skop Kajian

Kajian ini dibuat di Bengkel Polis Marin Cawangan Selatan (Johor). Sampel yang dipilih ialah anggota-anggota bengkel Polis Marin Cawangan Selatan (Johor). Bidang kajian hanya meliputi tahap keberkesanan Pembacaan, seminar atau kursus, Kaedah cubajaya dan bantuan rakan dalam meningkatkan lagi kemahiran membaiki kapal mereka.

Metodologi

Populasi dan Responden Kajian

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji mengambil anggota bengkel Polis Marin Cawangan Selatan (Johor) yang terlibat dalam membaik pulih dan menyelenggara kapal dan bot-bot peronda Polis Marin sebagai responden. Oleh kerana bilangan populasi adalah seramai 42 orang, maka penyelidik telah menggunakan keseluruhan populasi sebagai sampel / responden dalam kajian ini.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, soal selidik dipilih sebagai instrumen kajian. Menurut Mohd. Majid Konting (1994), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan serta dapat mencapai tujuan kajian dengan perbelanjaan yang sederhana. Item-item dalam instrumen kajian telah dibuat oleh pengkaji sendiri. Borang soal selidik ini terdiri daripada 2 bahagian iaitu :-

Bahagian A : Latar Belakang responden

Bahagian A soal selidik ini mengandungi 5 item tentang latar belakang responden seperti jantina, bangsa, umur, status perkahwinan dan pengalaman bekerja dalam unit teknikal Polis Marin Cawangan Selatan.

Bahagian B : Soalan Soal Selidik

Bahagian ini mengandungi sebanyak 40 item yang direka bentuk untuk menguji tahap keberkesanan usaha-usaha yang dilakukan oleh anggota bengkel Polis Marin Cawangan Selatan (Johor) dalam meningkatkan kemahiran membaiki kapal mereka.

Pengkaji telah membina 40 item yang berkaitan di mana setiap jawapan yang diberi kepada item tersebut adalah diterima dan tiada jawapan yang salah ditetapkan kerana ia hanya sekadar melihat reaksi responden terhadap kenyataan yang dikemukakan. Untuk memudahkan responden menjawab soalan, pengkaji telah menetapkan penggunaan Skala Likert dengan 5 mata dan 5 pemeringkatan di mana responden hanya perlu memilih jawapan yang difikirkan sesuai.

Kajian Rintis

Sebelum soal selidik diedarkan kepada populasi kajian, satu kajian rintis telah dijalankan kepada 10 orang pelajar Jurusan Mekanikal Bahagian Marin Universiti Teknologi Malaysia. Analisa statistik menggunakan Alpha Cronbach telah digunakan bagi menguji kebolehpercayaan soalan. Menurut Mohd Najib (1999), nilai alpha adalah perlu melebihi 0.8 bagi memastikan kebolehpercayaan soalan. Ujian kebolehpercayaan telah dijalankan dengan menggunakan SPSS Alpha Cronbach dan hasil yang diperolehi ialah 0.91. Ini bermakna instrumen yang digunakan di dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Ini menunjukkan soalan soalselidik ini boleh digunakan.

Keputusan

Bagi menjawab pernyataan masalah, jumlah purata peratusan bagi setiap persoalan kajian dipuratakan dan dijumlahkan mengikut jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Peratusan keseluruhan untuk setiap persoalan kajian


| Penyataan masalah : Apakah tahap keberkesanan usaha-usaha yang dilakukan oleh anggota-anggota bengkel polis marin cawangan selatan dalam meningkatkan kemahiran membaiki enjin kapal ? | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju |
|---|---------------------|--------------------|---------------|
| SK 1 : Merujuk buku | 4.3% | 8% | 87.5% |
| SK 2 : Kursus atau seminar | 1.3% | 3.2% | 95.5% |
| SK 3 : Bantuan atau bimbingan rakan sekerja | 1.7% | 4% | 94.3% |
| SK 4 : Kaedah Cuba jaya | 15.2% | 10.5% | 74.3% |
| Purata Peratusan | 5.6% | 6.4% | 88% |

Perbincangan

Tahap keberkesanan pembacaan yang dilakukan oleh anggota bengkel polis marin cawangan selatan dalam meningkatkan kemahiran membaiki kapal.

Hasil daripada kajian yang telah dilakukan mendapati bahawa tahap keberkesanan usaha yang dilakukan oleh anggota bengkel polis marin dalam meningkatkan kemahiran membaiki kapal mereka adalah sangat tinggi dan berkesan iaitu sebanyak 87.5 %. Ini adalah berpandukan kepada Kriteria Penilai Skor yang telah ditetapkan oleh kajian Majid Konting (1990).

Pengkaji juga mendapati terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada keberkesanan meningkatkan kemahiran membaiki kapal melalui pembacaan. Faktor-faktor tersebut dapat dilihat berdasarkan gambarajah dibawah.



Rajah 1: Faktor yang mendorong keberkesanan meningkatkan kemahiran melalui pembacaan

Berdasarkan gambarajah 1 faktor minat, kekerapan dan sikap terhadap pembacaan mempengaruhi kepada keberkesanan seseorang itu dalam meningkatkan kemahiran membaiki kapal. Hal ini dapat dilihat apabila 95.5 % responden sering membaca buku atau majalah bagi meningkatkan kemahiran mereka dan juga dalam menyelesaikan masalah kerosakan enjin. Ini mungkin kerana kekerapan membaca di kalangan anggota bengkel polis marin membuatkan mereka lebih cekap dan pakar tentang kerosakkan yang sering berlaku pada enjin. Sebagai contoh mereka sering membaca bahawa salah satu punca tanda kebocoran enjin, adalah enjin akan mengeluarkan asap putih. Apabila berlaku kerosakkan enjin ini mereka akan senang untuk membaiki enjin kapal ini kerana sudah mengetahui punca kerosakkan pada enjin. Secara tidak langsung ianya akan menjadikan seseorang anggota bengkel itu lebih cekap dan pakar.

Selain itu, sikap suka merujuk bahan bacaan yang berlainan yang diamalkan dikalangan anggota bengkel polis marin juga dapat meningkatkan kemahiran mereka. Hal ini kerana dalam usaha menyelesaikan masalah membaiki kapal mereka akan merujuk bahan rujukan seperti buku panduan pengguna dan majalah berkaitan dengan bidang mereka. Menurut Mok Soon Sang (1996) seseorang yang mempunyai minat dan sikap positif terhadap pembelajaran akan menumpukan perhatian terhadap aktiviti pengajaran. Penumpuan terhadap aktiviti pengajaran ini secara tidak langsung akan meningkatkan keberkesanan sesuatu pembelajaran itu.

Disamping itu, dalam memastikan pembacaan yang dilakukan itu berkesan dalam meningkatkan kemahiran membaiki enjin perlulah ditanamkan minat membaca yang mendalam. Ini kerana sekiranya tiada minat, maka sesuatu pembacaan itu akan menjadi kurang berkesan. Ini adalah selari dengan kajian yang dibuat oleh Crow & Crow (1980), faktor minat boleh mempengaruhi sikap individu dan meningkatkan pengalaman seseorang individu itu. Minat boleh menjadi punca kepada sesuatu kegiatan dan hasil daripada pengetahuan dalam kegiatan tersebut. Minat perlu disertakan dalam pembacaan bagi meningkatkan daya usaha individu untuk memperbaiki dan mempergiatkan kemahiran dalam sesuatu perkara.

Pendapat ini juga disokong oleh Madis (1997), mengatakan bahawa minat dan kecenderungan memainkan peranan yang penting untuk mempengaruhi pencapaian pembelajaran seseorang individu. Mereka yang berminat akan menunjukkan pencapaian yang tinggi. Minat dan sikap seseorang terhadap pembelajaran pula boleh mempengaruhi kesediaan belajar. Menurut Crow dan Crown (1980), minat merupakan daya penggerak yang mendorong supaya member perhatian kepada seseorang, benda dan

kegiatan. Ia boleh merupakan pengalaman yang berpengaruh yang telah dirangsang oleh kegiatan itu sendiri. Minat berkait rapat dengan desakan motif dan gerak balas emosi dan hasil pengalaman. Jika seseorang itu berminat walaupun mempunyai kebolehan yang sederhana, mereka seharusnya boleh mengembangkan minat yang kuat dan seterusnya berusaha menguasai dengan gigih sehingga membawa kepada pencapaian yang lebih baik dan bermutu. Ini menunjukkan bahawa minat perlulah disertakan bersama-sama dalam proses membaca bagi menambahkan keberkesanan pembelajaran seseorang itu.

Secara kesimpulannya membaca merupakan kunci bagi sesuatu ilmu. Tanpa pembacaan maka gelaplah hidup seseorang itu. Kepentingan membaca sebagai kunci ilmu juga ada ditekankan didalam al-Quran. Allah s.w.t berfirman di dalam al-Quran yang bermaksud: *“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan tuhanmu yang maha pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam”*. (Al-Alaq: 1-4). Ayat ini membawa maksud kunci kejayaan dalam menuntut ilmu itu adalah dengan membaca dan menulis (kalam).

Tahap keberkesanan kaedah cuba jaya yang dilakukan oleh anggota bengkel polis marin cawangan selatan dalam meningkatkan kemahiran membaiki kapal.

Hasil daripada dapatan kajian didapati bahawa kaedah cuba jaya merupakan kaedah yang mempunyai keberkesanannya yang sederhana dalam meningkatkan kemahiran membaiki kapal dikalangan anggota bengkel polis marin dengan peratusan sebanyak 74.3%. Ini adalah berpandukan Kriteria Penilai Skor yang telah ditetapkan oleh kajian Majid Konting (1990).

Melalui kajian ini didapati bahawa kaedah cubajaya ini mempunyai risiko yang tinggi. Hal ini kerana, kebanyakan mereka tidak boleh membuka enjin tanpa sebarang pengawasan daripada orang yang lebih pakar. Sebagai contoh, di polis marin ini terdapat beberapa seksyen yang telah dibahagikan mengikut bidang masing-masing seperti bahagian elektrik dan penghawa dingin, bahagian enjin kapal besar, bahagian enjin bot laju dan lain-lain lagi. Setiap seksyen ini mempunyai seorang ketua yang pakar terhadap bidang dalam sekeyen mereka. Ketua ini yang berpangkat sarjan meyor ditugaskan untuk mengawal dan membaiki segala kerosakkan dibahagian masing-masing. Justeru itu, setiap kapal atau bot yang mengalami kerosakkan akan diperiksa oleh ketua dan akan dibincangkan dengan ahli-ahli dalam kumpulan. Disini dapat dilihat bahawa anggota bengkel tidak boleh membaiki enjin bot atau kapal tanpa mengetahui secara jelas apakah kerosakkan yang dialami dan berbincang dengan rakan yang lain.

Selain itu, ketidaksanggupan para anggota bengkel untuk mengambil risiko bagi membaiki kapal juga menyebabkan kaedah cuba jaya ini kurang berkesan. Hal ini mungkin kerana kos yang lebih tinggi yang akan ditanggung oleh pihak polis marin sekiranya berlaku kerosakan yang lebih teruk semasa membaiki kapal melalui pembelian alat ganti pada enjin kapal yang mahal. Tambahan pula, kaedah cuba jaya ini memerlukan pengalaman yang banyak serta pengetahuan yang luas. Ianya selari dengan pendapat Billet (1996), mengatakan dalam membina pengetahuan baru melalui cubajaya dan pengalaman yang telah mereka kuasai sebelum ini adalah diperlukan bagi menghasilkan satu pengetahuan yang baru.

Selain dari ketidaksanggupan untuk anggota bengkel polis marin ini untuk menanggung risiko, sebanyak 50 % daripada mereka juga mengatakan kaedah ini sangat susah untuk meningkatkan kemahiran. Ini mungkin kerana, kebarangkalian untuk mereka tidak berjaya melalui kaedah ini adalah sangat tinggi. Sebagai contoh, untuk memasukkan piston ke dalam enjin terdapat kaedah yang betul serta selamat. Kaedah ini memerlukan ketepatan yang tinggi, sekiranya mereka hanya menggunakan pengalaman yang lalu sahaja tanpa merujuk buku sudah tentu peratusan untuk gagal adalah tinggi.


Namun begitu, tidak semua dari mereka mengatakan bahawa kaedah cubajaya ini tidak berkesan, ini kerana sebanyak 85.7% daripada mereka mengatakan bahawa mereka mempelajari sesuatu daripada

kesilapan mereka yang lalu. Ini menunjukkan bahawa sedikit sebanyak kaedah ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran individu itu, tetapi ianya juga berhadapan dengan risiko kegagalan juga. Oleh itu mereka yang mahu menggunakan kaedah ini haruslah berani menghadapi segala kemungkinan atau kegagalan. Ianya selari dengan Shahrudin (2003), seseorang itu haruslah sentiasa berani membuat penyiasatan dan inkuiri untuk membuat penemuan, serta menguasai beberapa kemahiran belajar yang membolehkannya membuat pengamatan dan refleksi daripada pengalaman supaya menghasilkan tanggapan.

Tahap keberkesanan seminar dan kursus yang dihadiri oleh anggota bengkel polis marin cawangan selatan dalam meningkatkan kemahiran membaiki kapal.

Berdasarkan dapatan kajian seminar dan kursus merupakan kaedah yang sangat berkesan dan sesuai kerana ianya menunjukkan peratusan yang tinggi sebanyak 95.5%. Ini adalah berpandukan kepada Kriteria Penilai Skor yang telah ditetapkan oleh kajian Majid Konting (1990). Pengkaji berpendapat bahawa melalui seminar dan kursus ini mereka mungkin mendapat sesuatu informasi terkini tentang bidang teknologi perkapalan yang terbaru yang sukar didapati walaupun dengan membaca buku. Hal ini kerana, perkembangan teknologi yang terlalu pesat dan laju menyebabkan anggota-anggota bengkel polis marin ini tidak dapat mengikut perkembangan teknologi. Justeru itu, melalui kursus atau seminar ini mereka mungkin didedahkan tentang teknologi terkini serta informasi tentang polis marin di negara yang lebih maju daripada kita.

Melalui kajian ini juga pengkaji mendapati beberapa ciri yang boleh meningkatkan lagi keberkesanan sesuatu seminar atau kursus dalam meningkatkan kemahiran seseorang individu itu. Ciri tersebut dapat dilihat gambarajah 2.



Rajah 2: Ciri-ciri yang boleh meningkatkan lagi keberkesanan sesuatu seminar atau kursus dalam meningkatkan kemahiran seseorang individu

Sesuatu kursus kemahiran itu haruslah dijalankan secara berkala bagi memastikan bahawa setiap anggota bengkel ini sentiasa didedahkan dengan perkembangan terkini tentang teknologi marin. Hal ini kerana, melalui kursus secara berkala ini secara tidak langsung ianya dapat membantu meningkatkan kecekapan mereka dalam membaiki kapal.

Ianya disokong oleh Richard , Matthew, Andrew dan Robert (1992) konsep perkembangan kakitangan banyak dikaitkan dengan perkembangan personel ,latihan, dan kursus-kursus dalam perkhidmatan. Perkembangan personel boleh dikaitkan dengan keperluan pengurusan sumber manusia dalam perkhidmatan awam dan juga swasta. Latihan pula dikaitkan dengan keperluan kemahiran kakitangan. Manakala kursus dalam perkhidmatan ialah satu bentuk kursus atau latihan bagi kakitangan khususnya yang baru bekerja. Ia bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dalam pekerjaan.

Selain itu, kursus ini haruslah bersifat secara teori dan praktikal. Kursus secara teori dan praktikal ini dapat menambah lagi keberkesanan sesuatu kursus itu. Sebagai contoh, melalui teori seseorang itu dapat mempelajari atau mengetahui caracara untuk mengantikan minyak hitam bagi sesuatu enjin bot. Untuk menambahkan lagi keberkesananya satu amali berkenaan cara-cara menukar minyak hitam juga harus dibuat bagi memberikan keadaan atau situasi sebenar bagaimana hendak menukar minyak hitam bagi enjin bot. Pendapat ini disokong Billett (1993), pembelajaran akan lebih berkesan jika pelajar didedahkan kepada suasana yang sebenar di mana pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dapat diaplikasikan secara praktikal

Kandungan seminar juga haruslah bersesuaian serta mengikut kemajuan teknologi terkini dalam bidang perkapalan. Perkara ini penting kerana tanpa isi kandungan atau pengisian yang tidak mengikut arus teknologi, anggota-anggota bengkel ini akan berada ditakuk lama seterusnya tidak dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Sudah tentu perkara ini akan merugikan semua pihak termasuk pihak polis marin sendiri. Sekiranya ianya dapat dilaksanakan maka sudah tentu dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Pendapat ini disokong oleh Rashidi dan Abdul Razak (1996), sekiranya kandungan sesuatu seminar itu dapat disampaikan dengan jayanya menurut kehendak objektif yang ditetapkan, semestilah matlamat suatu seminar dapat dicapai.

Tahap keberkesanan bantuan atau bimbingan rakan yang dilakukan oleh anggota bengkel polis marin cawangan selatan dalam meningkatkan kemahiran membaiki kapal.


Dapatan kajian mendapati bahawa bimbingan rakan merupakan kaedah yang menunjukkan keberkesannya yang tinggi dalam meningkatkan kemahiran anggota bengkel polis marin. Dengan peratusan yang tinggi sebanyak 94.3 % membuktikan perlunya ada sikap saling bantu membantu antara satu sama yang lain bagi mempelajari sesuatu.

Pendapat ini disokong oleh konsep kerjasama dalam kumpulan telah diperkenalkan oleh Johnson dan Johnson (1991) dan Salvin (1983). Mereka percaya bahawa pelajar yang belajar secara bekerjasama dalam kumpulan akan dapat belajar dengan lebih baik dan berupaya meningkatkan prestasi mereka. Ini menunjukkan bahawa seseorang individu itu boleh meningkatkan kemahiran mereka sekiranya mereka berkerjasama antara satu sama lain. Menurut Bill, William dan Miller (2002) tujuan mentor atau rakan digunakan adalah untuk menyampaikan pengajaran pengalaman yang terbaik di tempat kerja bagi meningkatkan kebolehan individu atau kumpulan. Mentor adalah pembelajaran tidak formal, di mana pengetahuan dan kemahiran mentor adalah lebih kepada pengalaman dan penilaian mereka berbanding dengan penyampaian kombinasi dokumen yang mengabungkan pengetahuan dan kemahiran.

Ada beberapa faktor yang mungkin menyebabkan kaedah ini sangat berkesan antaranya sebanyak 90.5 % reeponden mengatakan bahawa tunjukcara yang diberikan oleh rakan mudah difahami dan dilakukan. Ini mungkin kerana, melalui tunjukcara rakan kita cepat untuk memahami sesuatu pembelajaran itu. Ini

kerana, berbanding dengan menggunakan buku kita perlu memikirkan sendiri apakah yang cuba diterangkan di buku manakala dengan rakan kita terus boleh bertanya sekiranya mempunyai masalah.

Pengkaji juga mendapati bahawa terdapat 2 ciri untuk memastikan sesuatu bimbingan atau bantuan rakan itu berkesan dan berjaya. Ciri-ciri tersebut dapat dilihat gambarajah 3.



Rajah 3: Ciri untuk memastikan sesuatu bimbingan atau bantuan rakan itu berkesan dan Berjaya

Keberkesanan bantuan rakan ini juga akan lebih berjaya sekiranya disertakan dengan model atau tunjukajar secara praktikal. Pendapat ini disokong oleh Hassan dan Zalifah (1992) bahawa penggunaan alat bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran menggalakkan para pelajar mengambil bahagian secara aktif serta mengetahui sesuatu melalui pemerhatian, pemahaman, aplikasi dan penerokaan. Ini boleh mewujudkan suasana yang lebih berkesan, berguna dan mencabar minda pelajar.

Selain daripada itu penggunaan alat bantu mengajar juga dapat mempengaruhi proses pembelajaran. Dengan adanya alat bantu mengajar, pemahaman pelajar terhadap satu-satu konsep sepatutnya menjadi lebih mudah dan cepat. Alat Bantu mengajar seharusnya dapat menarik minat, menimbulkan rasa ingin tahu serta menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Bagi mengelakkan kebosanan pelajar, guru hendaklah merancang aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik serta memberansangkan (Ee Ah Meng, 1990).

Kaedah menggunakan model ini bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran responden malahan secara tidak langsung akan menambahkan lagi minat mereka dalam bidang perkapalan ini. Ianya selari dengan Ee Ah Meng (1994) menyatakan alat bantu mengajar yang digunakan dengan berkesan bukan sahaja mempercepatkan penangkapan konsep oleh pelajar, malahan akan mencungkil minat dan naluri ingin tahu pelajar.

Rumusan

Setiap manusia mempunyai pelbagai cara bagi menambahkan pengetahuan dan kemahiran yang mereka miliki. Ianya adalah berbeza-beza mengikut keselesaan serta keupayaan seseorang individu itu. Oleh itu

dalam usaha kita memperbaiki diri kita perlulah kita tahu apakah cara yang paling sesuai untuk diri kita supaya ianya dapat memberikan kesan yang baik serta tidak merugikan kita.

Rujukan

- Ab. Rahim Selamat (1989). “Asas-asas Pendidikan : Satu Pengenalan”. Kuala Lumpur : Flo Enterprise Sdn. Bhd.
- Abu Zahari Abu Bakar (1987). Memahami Psikologi Pembelajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Bramham, J. (1975). Practical Manpower Planning. Institute Of Personal Management. Central House, Upper Woburn Place London.
- Brilhart, J. K. and Galanes, G. J (1995). Effective Group Discussion . 8 ed.University of Nebraska, Ohama.
- Billett, S. 1993. What’s in a setting? Learning in a workplace. *Australian Journal of Adult and Community Education* 33(1): 4-14.
- Billett, S. 1996. Towards a model of workplace learning: The learning curriculum. *Studies in Continuing Education* 18(1): 43-58.
- Crow and Crown. (1980). “Psikologi Pendidikan untuk Perguruan.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Putaka.
- Curtis, B., Helfley, W.E., and Miller, S. A. (2002). Guildlines for improving the workforce. Dlm. People for Improving the Workforce.
- Ee Ah Meng. (1994). “Sekolah dan Bilik Darjah”. Selangor: The Commercial Press.
- Ee Ah Meng (1990). “Sekolah Dan Perkembangan Kanak-Kanak”. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Fachruddin HS. (1979). “Terjemah Al Quran dan Hadits Shahih Muslim”. Jakarta: N.V. Bulan Bintang.
- Hassan Hj. Mohd. Ali dan Siti Zalifah (1997). Strategi Belajar Yang Berkesan. Kuala Lumpur. Utusan Publication Distributors.
- Hashim Mohamad.(1998). Guna radar terancangih banteras kemasukan pendatang haram. *Kecanggihan Teknologi*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hyland, B, and Yost, M. (1997). Pathway To a Succussful Job and Career .Dlm Reflection For the Workplace. Library of congress Cataloging.
- Iskandar Sazlan (2001) Keselamatan Maritim Negara. Isu dan Peranan Agensi Penguatkuasa.Institut Maritim Malaysia.
- Kamus Dewan. (2003). “Kamus Dewan.” Edisi Baru Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan. (1997). “Kamus Dewan.” Edisi Baru Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kamus Dewan. (1989). “Kamus Dewan.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Karim Abu. (2004). Tugas - tugas Pasukan Polis Marin . *Perajurit*, Volume 56., page 23

Kalam Hamidi.(2007). Perahu Pancung Meredah Lautan Rezeki. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.